

Walaupun dia seorang yang selalu kasihankan orang

Dr. Mahathir perlu terus bertindak

UM 24 JUN 2001

ISU
MINGGU INI

Oleh ABDULLAH AHMAD

ADA berbagai jenis manusia tetapi lazimnya ada dua kumpulan yang terbesar dan terbilang: Mereka yang berfikir (*men/women of thought*) dan insan yang bertindak/praktik (*men/women of action*). Jarang kedua sifat ini bertemu!

Presiden UMNO dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad adalah antara segelintir manusia Melayu yang ada dua sifat di atas.

Tun Razak seorang lagi, mindanya cergas, segar dan cerdik: Pembangunan Luar Bandar, Mara (terutama aspek pendidikan) Dasar Pendidikan Nasional dan Dasar Ekonomi Baru. Berwawasan dan praktikal.

Y.B. Sri Lalang bijak bercakap tetapi lain bicara lain bikin, Y.B. Muhammad tulus pula, kurang bercakap tetapi seorang pelaksana. Azalina Othman Said, Ketua Puteri UMNO, ialah seorang yang praktikal. Dia bikin seperti cakat.

Penulis tidak hairan jika Dr. Mahathir sedang belajar bahasa Arab dan kalau penulis Perdana Menteri, penulis akan berbuat demikian. Dr. Mahathir adalah seorang cendekiawan. Mindanya cerah walaupun dia telah berusia lanjut, bukan diukur dengan ukuran Melayu, tetapi pada ukuran Cina dan Eropah

seboleh mungkin.

Ucapan Dr. Mahathir pada Perhimpunan Agung UMNO begitu berterus terang, dibuat dalam bahasa termudah, tanpa berselindung, mencabar, merangsang, berniat baik, dalam nada suara dan *body language* yang boleh dikatakan menakut dan menggertak.

Reaksi terhadap ucapan itu bergantung kepada siapa yang bercakap dan berani memberi pendapat secara jujur. Penulis telah diminta memberi pendapat selari oleh British Broadcasting Corporation (BBC) dari studionya di London mengenai Perhimpunan Agung UMNO.

Pengacara BBC yang bertanya tergamam, terdiam seketika kerana penulis menegaskan bahawa kepimpinan Dr. Mahathir, sungguhpun menempuh suka duka, tetapi UMNO dan kerajaan masih kukuh dan hingga kini tidak dicabar.

Setelah berkenalan dengannya pada tahun 1963, penulis mendapati Dr. Mahathir adalah seorang Melayu yang berlainan dan juga bukan Melayu yang lazim. Siapa juga yang ada darah Melayu mengalir di dalam tubuhnya akan amat merasa belas kasihan terhadap penderitaan orang lain. Kepadanya, mengikut pertimbangan penulis, waktu mengubati segalanya.

Tidak pernah berlaku dalam sejarah politik moden Melayu, seorang Perdana Menteri Malaysia membaca firman Allah s.w.t. dalam bahasa al-Quran seperti yang dilakukan oleh Dr. Mahathir Khamis lalu. Beberapa potong ayat al-Quran telah dibacanya bagi mengukuhkan hujah-hujahnya.

Sebelum ini Tunku Abdul Rahman Putra pernah mendapat inspirasi daripada al-Quran tetapi semua maksud al-Quran itu dimadahkan sama ada dalam bahasa ibunda atau Inggeris. Tun Razak begitu juga. Dengan Tun Hussein Onn, penulis tidak sempat lama dengannya kerana penulis ditahan di bawah ISA selama lima tahun atas arahannya hasil desakan musuh-musuh politik penulis.

Musuh politik penulis yang terulung turut hadir pada Perhimpunan Agung UMNO Khamis lalu — dia telah tua, tanpa kuasa dan ruang bagi menganiayai musuh-musuhnya. Ramai musuh penulis telah pulang ke alam baqa, bakinya tidak sihat, yang sihat tidak lagi berpengaruh maka ruang bagi mereka memanipulasikan keadaan dan menjadi tali barut agak terhad.

Penulis tidak hairan jika Dr. Mahathir sedang belajar bahasa Arab dan kalau penulis Perdana Menteri, penulis akan berbuat demikian. Dr. Mahathir adalah seorang cendekiawan. Mindanya cerah walaupun dia telah berusia lanjut, bukan diukur dengan ukuran Melayu, tetapi pada ukuran Cina dan Eropah.

Walaupun telah berusia 75 tahun, Dr. Mahathir dianggap muda lagi. Dr. Mahathir bisa menguasai bahasa Arab seperti mana dia telah menguasai bahasa Inggeris dan beberapa perkara lain dengan senangnya beberapa tahun kebelakangan ini termasuk memandu kapal terbang!

Bayangkan Dr. Mahathir berceramah dan bersyarah di

Dalam sejarah, ketegangan (*tension*) antara kedua-duanya lumrah dan berzaman. Yang berfikir memberi hujah. Yang satu lagi melaksanakan program yang terlahir daripada minda yang lincah.

Politikus selalunya bercakap dan bertindak tanpa berfikir dan tidak membaca secara mendalam. Dia mungkin tidak tahu apa yang disuarakannya tetapi dia mesti berkokok. Lagi tidak laku, lagi dia berketuk.

Apa pun, kita tetap mahu orang macam ini. Dia lazimnya ahli bertindak walaupun apa yang dilakukannya salah dan tidak wajar pada waktu itu.

Thomas Carlyle menghormati insan yang praktikal. Madahnya: "*The end of man is an action, and not a thought, though it were the noblest.*" Yakni walaupun ahli fikir adalah yang terpuji dan termulia, manusia yang bertindak adalah orang yang melaksanakan kerja.

Penulis telah mendengar ucapan Dr. Mahathir pada Perhimpunan Agung UMNO Khamis lalu. Penulis duduk di sebelah Tan Sri Aziz Tapa dan Tan Sri Khalid Abdullah. Aziz berkali-kali berbisik dan memberikan komen dalam rangkap pantun.

Khalid telah memperjelaskan makna sebenar haprak yang diterjemahkan oleh media Barat sebagai *idiots*. Zaman bapa penulis dahulu ia dikatakan *bloody fools* – maknanya serupa, sangat bodoh.

Mengikut isteri penulis iaitu orang Alor Setar dan disokong oleh orang sebelah utara, haprak ialah seseorang yang terlalu teruk dan tidak berguna. Di pantai timur, kurang lebih istilah yang sesuai ialah gong dan bebal.

Sebenarnya ramai yang liberal dungu; si tolol dan goblok Melayu yang tidak senang kalau tidak dapat bodek, menyanjung dan memuji-muji dunia Barat, peradaban, media dan minda mereka. Mereka terlalu ghairah hendak diterima setaraf dan seminda dengan kuasa terunggul dan naib-naib penghulu kuasa itu.

Penulis mesti berterus terang. Banyak yang tidak betul berlaku dalam kerajaan hari ini baik yang diperintah oleh UMNO ataupun Pas tetapi itu adalah masalah dalaman. Problem Malaysia hanya boleh diselesaikan oleh orang Malaysia sendiri. Tidak payahlah cari campur tangan penghulu Amerika Syarikat apa lagi naib penghulunya Australia.

Penulis teringat madah Presiden Sukarno bahawa konfrontasi Indonesia dan Malaysia hanya bisa diselesaikan oleh orang Indonesia dan Malaysia tanpa campur tangan orang asing. Anda semua tahu sejarah. Begitulah juga problem sesama Melayu. Kita bersemuka.

Penulis tahu banyak perkara berjaya diselesaikan bila bersemuka. Apa ruginya kalau kita berjumpa dan berbincang? *Engagement* atau perjumpaan dan dialog adalah yang terpenting.

Berdialog, bersemuka dan berdepan lebih baik daripada bertempur. Seharusnya kita cuba elakkan pertempuran

Seorang pegawai tinggi BBC telah berbicara dengan penulis sebelum temu ramah itu diadakan dan nampak jelas daripada laporan yang BBC terima, mereka merasakan kedudukan Dr. Mahathir terancam sewaktu Perhimpunan Agung UMNO (dan apabila ia berakhir selepas hari Sabtu!)

Kepada pembodek, munafik (Surah al-Baqarah 2:14 dan apa yang dimadahkan oleh Bukhari), tukang angkat atau *tripod*, ucapan dua jam Dr. Mahathir itu adalah suatu hikmah yang menyinar.

Bagi para pengkritiknya pula ia adalah satu lagi drama yang mahu menakut-nakutkan orang Melayu, satu lagi usaha dan helah untuk mengalih dan mengubah perhatian Melayu daripada kekecewaan, ketidaksenangan dan ketidakgembiraan bangsa Melayu sekarang.

Dr. Mahathir telah bermadah daripada hatinya. Apa yang dihadapi olehnya dan orang Melayu mungkin satu dilema baru, suatu yang tidak menyenangkan. Apapun apa yang diperkatakan olehnya amat berguna untuk direnungkan dan kalau wajar ia perlu diperbetulkan oleh kerajaan dan individu-individu Melayu.

Ilmu dan minda

Memahami ucapan Dr Mahathir yang *candid* itu (tidak menyembunyikan sesuatu pada keseluruhannya) adalah menjadi kewajipan bagi orang Melayu supaya mereka mengerti fikirannya, dasar dan tindakan UMNO dan kerajaan pada masa ke muka. Dengan merenung ucapan itu, mereka dapat memahami tuju hala negara selagi Dr. Mahathir kekal sebagai presiden parti dan Perdana Menteri.

Lee Kuan Yew sebelum dia memasuki politik hanya menguasai bahasa Inggeris dan Melayu Peranakan. Selepas terlibat dalam politik, dia menguasai bahasa Melayu, Mandarin dan Tamil. Anakandanya, penulis dengar lebih berbakat daripada Kuan Yew dari segi pendidikan. Apa pun Kuan Yew adalah seorang pemimpin Asia yang terulung dalam kurun ke-20. Dia dianggap pemimpin terbesar Asia kerana dia mempunyai dua sifat terpenting: Ilmu dan minda yang pintar selain berani dan praktikal.

Sukarno berani dan amat nasionalis tetapi seorang yang romantis dan *rasian(dreamer)*. Dr. Mahathir lebih mendekati Lee Kuan Yew sebagai seorang politikus, ketua parti, Perdana Menteri dan diplomat.

Kuan Yew dan Dr. Mahathir, kedua-duanya pintar dan tegas tetapi Kuan Yew kerana dia seorang Cina, dia lebih keras, lebih fokus, tiada tolak ansur dan amat pragmatik.

Dr. Mahathir kerana dia seorang anak Melayu Kedah, walaupun dia jauh daripada haprak, nyata bagaikan siang hari dia amat berkompromi, senang mengampuni kesalahan dan kelemahan termasuk kejahatan dan tindakan musuh-musuhnya. Dia juga seorang yang amat bertimbang rasa, perihatin dan sensitif.

rapat-rapat umum dengan memetik al-Quran dan hadis dalam bahasa asalnya. Bukan semua pemimpin Pas apa lagi Keadilan dan Parti Rakyat pandai berbahasa al-Quran.

Seorang kawan bertanya penulis baik atau buruk sebutan bahasa Arab Dr. Mahathir. Pertama, penulis tidak tahu bahasa Arab sungguhpun penulis tamat membaca al-Quran tetapi penulis berani berkata sebutannya "lulus" bagi cubaan pertama.

Lagipun penulis pernah mendengar sebutan yang lebih teruk dan buruk lagi. Penulis percaya sebutan bahasa Arab Dr. Mahathir itu akan menjadi ejekan dan dipersoalkan oleh musuh-musuh politiknya baik dalam UMNO apa lagi oleh pemimpin parti pembangkang.

Penulis sudah dengar sebutan dan penggunaan bahasa Inggeris musuh-musuhnya yang amat memalukan Melayu dan Malaysia – amat hodoh dan merosakkan bahasa ilmu universal itu.

Orang Melayu harus menerima teguran Dr. Mahathir secara membina. Niat dan hajatnya murni kerana dia sayangkan bangsanya. Dia sudah berada di kemuncak maka dia wajar berterus terang walaupun pahit bagi keselamatan bangsanya pada masa hadapan.

Orang Melayu perlu berhati-hati. Jangan kerana pandangan sempit yang dibawa oleh musuh-musuh Islam yang bertopengkan agama terhadap ilmu ekonomi, teknologi, profesion dan bahasa Inggeris, orang Melayu akhirnya terlepas dan kehilangan kuasa.

Jangan dalam revolusi zaman maklumat ini kita menjadi satu bangsa termundur, terhina, diperbodoh dan 'dipingirkan di tanah air sendiri.

Janganlah kita berpecah lagi. Ambillah iktibar apa yang berlaku di Timur Tengah. Di sana Israel gagah perkasa kerana bangsa dan negara Arab tidak bersatu padu. Baca balik buku sejarah, bertafakur dan renung kembali zaman datuk nenek kita dulu.

Kata Allan Bloom dalam bukunya *The Closing of the American Mind*, kita memerlukan sejarah bukan untuk memberitahu kita apa yang telah berlaku atau bagi menghu- raikan masa silam tetapi bagi menampakkan waktu lampau hidup kembali (zaman ketuanan Melayu di Melaka sebelum 1511) agar zaman gemilang itu boleh mencerminkan dan menjadi masa ke muka (yang lebih cemerlang) yang tidak mustahil dicapai.

Kesimpulan paling mudah daripada amanat berani Dr. Mahathir itu ialah ia merupakan ingatan cekal hati seorang pemimpin berwawasan yang tidak mahu bangsanya mati lemas kelaparan seperti itik di sungai Kelantan, Terengganu, Perak, Pahang, sungai Sarawak dan Kinabatangan.

Kalau Melayu tidak juga sedar lagi tentang apa yang sudah dan sedang terjadi kepada orang Melayu di Singapura dan Pulau Pinang maka bangsa kita wajar dan *deserves* untuk mendapat nasib yang sama seperti mereka di kedua pulau itu.